

SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN BERHAD

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) telah ditubuhkan pada 26 Mac 2009 sebagai sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD]. Mandat SJPP adalah untuk mengurus dan mentadbir skim jaminan Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang telah diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2009. Skim ini diperkenalkan bertujuan membolehkan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapatkan akses kepada kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan yang terlibat.
- Prestasi dan pengurusan aktiviti utama SJPP yang dinilai adalah aktiviti jaminan pembiayaan perniagaan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mei 2022.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) manakala pencapaian keberhasilan berdasarkan sumbangan syarikat PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).
- Bagi pengurusan aktiviti jaminan pembiayaan perniagaan, tiga perkara yang dinilai ialah permohonan dan kelulusan jaminan pembiayaan; kutipan hasil yuran jaminan; serta tuntutan jaminan pembiayaan.
- Penilaian terhadap lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Pegawai Utama, Setiausaha Syarikat, Pelan Perniagaan dan KPI, Prosedur Operasi Standard, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalam dibuat bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mei 2022.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019 dan 2020 serta penyata kewangan belum beraudit tahun 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- SJPP menyediakan jaminan kepada institusi kewangan untuk pembiayaan yang diluluskan kepada PKS yang layak selaras dengan dasar Kerajaan.
- Setakat bulan Mei 2022, SJPP telah diperuntukkan sejumlah RM81 bilion had pembiayaan untuk menguruskan 11 skim jaminan Kerajaan bagi PKS sejak tahun 2009. Lapan skim jaminan Kerajaan masih aktif manakala tiga skim telah ditutup. Jumlah keseluruhan

agihan dana kepada PKS melalui institusi kewangan ialah RM79.500 bilion.

- Bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Februari 2022, SJPP telah meluluskan sejumlah RM50.313 bilion permohonan jaminan pembiayaan oleh institusi kewangan melibatkan 69,293 akaun. Sejumlah RM42.628 bilion (84.7%) pembiayaan telah dikeluarkan kepada PKS oleh institusi kewangan berkenaan dan jumlah jaminan SJPP ialah RM31.846 bilion.
- Sejak penubuhan SJPP pada tahun 2009 hingga bulan Februari 2022, tuntutan bersih jaminan pembiayaan daripada institusi kewangan adalah berjumlah RM587.02 juta (1.4%) berbanding sejumlah RM42.628 bilion pembiayaan yang dikeluarkan kepada PKS.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, SJPP telah mencapai objektif penubuhannya melalui pencapaian output iaitu sasaran jumlah pembiayaan diluluskan dan tuntutan jaminan dibayar.
- Pencapaian keberhasilan menunjukkan impak positif skim jaminan Kerajaan melalui SJPP iaitu sumbangan syarikat PKS kepada KDNK negara pada kadar 38.9% (tahun 2019) dan 38.2% (tahun 2020).
- Peningkatan hasil kutipan yuran skim jaminan pembiayaan menyumbang kepada kedudukan kewangan syarikat yang kukuh dan membolehkan pembayaran dividen kepada MKD serta mempunyai lebihan dana untuk disalurkan bagi keperluan tuntutan jaminan.
- Pengurusan aktiviti jaminan pembiayaan daripada aspek tempoh memproses permohonan dan tuntutan mengalami kelewatan yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Selain itu, terdapat kesilapan pengiraan yuran jaminan yang menyebabkan yuran jaminan terlebih/terkurang kutip.
- Amalan tadbir urus korporat SJPP berada pada tahap memuaskan dengan mekanisme kawalan di peringkat pengurusan syarikat Prokhas Sdn. Bhd. (Prokhas) dan pemantauan secara terus oleh MKD.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - memanfaatkan lebihan dana daripada syarikat bagi menampung keperluan tuntutan skim jaminan pada masa akan datang;
 - memastikan semakan dan pengesahan yuran jaminan yang teliti bagi mengelakkan risiko berlaku kesilapan yang boleh menyebabkan salah nyata pelaporan kedudukan kewangan SJPP; dan

- menambah baik tadbir urus korporat berkaitan kadar pembayaran elaun mesyuarat Lembaga Pengarah dan penglibatan Lembaga Pengarah dalam perancangan strategik SJPP.